

No. Syarikat

9557	T
------	---

**MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA KEWANGAN**

**30 JUN 2006**

No. Syarikat

9557	T
------	---

MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA KEWANGAN

30 JUN 2006

MUKASURAT

LAPORAN PARA PENGARAH	1 - 10
PENYATA PARA PENGARAH	11
AKUAN BERKANUN	11
LAPORAN JURUAUDIT	12
LEMBARAN IMBARAN	13
PENYATA PENDAPATAN	14
AKAUN PEROLEHAN INSURANS AM	15 - 16
LEMBARAN IMBANGAN DANA INSURANS HAYAT	17
AKAUN PEROLEHAN DANA INSURANS HAYAT	18
PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI	19
PENYATA ALIRAN TUNAI	20
NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN	21 - 73

No. Syarikat

9557	T
------	---

## MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

### LAPORAN PARA PENGARAH

Para pengarah dengan sukacita membentangkan laporan mereka berserta ringkasan penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2006.

#### KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah pengunderaitan insurans hayat dan kesemua kelas perniagaan insurans am.

Tiada sebarang perubahan nyata terhadap kegiatan utama ini sepanjang tahun kewangan.

#### SYARIKAT INDUK

Semasa tahun kewangan, Mayban Fortis Holdings Berhad ("MFHB") telah menyempurnakan pembelian keseluruhan ekuiti MNI Holdings Berhad yang merupakan syarikat induk kepada Syarikat. MFHB adalah subsidiari kepada Malayan Banking Berhad ("MBB"), sebuah bank berlesen yang disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad. MFHB dan MBB adalah syarikat-syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Para Pengarah Syarikat kini menganggap MBB sebagai syarikat induk.

MNI Holdings Berhad tidak lagi disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad pada 23 Mac 2006.

#### PENUKARAN TAHUN KEWANGAN

Semasa tahun kewangan, Syarikat telah menukar pengakhiran tahun kewangannya dari 31 Mac 2006 kepada 30 Jun 2006 supaya diselaraskan dengan pengakhiran tahun kewangan syarikat induk.

#### KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	<u>69,698</u>

#### DIVIDEN

Jumlah dividen yang telah dibayar oleh Syarikat sejak 31 Mac 2005 adalah seperti berikut::

	RM'000
Dividen interim khas sebanyak 21 sen sesaham, ditolak cukai 28%, dibayar pada 18 Oktober 2005	<u>23,005</u>

Para Pengarah tidak mencadangkan sebarang pembayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2006.

#### RIZAB DAN PERUNTUKAN

Kesemua pindahan yang ketara kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan ini dinyatakan di dalam penyata kewangan.

## MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

### LAPORAN PARA PENGARAH

#### PERUNTUKAN UNTUK TUNTUTAN YANG BELUM DIBAYAR

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa peruntukan yang mencukupi bagi tuntutan yang telah dibuat, termasuk Tuntutan Yang Berlaku Tetapi Belum Dilaporkan ("IBNR").

#### HUTANG LAPUK DAN HUTANG RAGU

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan bahawa tindakan telah diambil untuk melupuskan hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu, dan berpuas hati bahawa kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskirakan dan bahawa peruntukan yang secukupnya telah dibuat bagi hutang ragu.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang memerlukan penghapuskiraan hutang lapuk atau jumlah yang diperuntukkan bagi hutang ragu tidak mencukupi secara besar.

#### ASET SEMASA

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan bahawa sebarang aset semasa, selain daripada hutang, yang mungkin tidak dapat diperolehi dalam urusan biasa pada nilai yang ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat telah dikurangkan nilainya kepada nilai yang dianggarkan boleh didapati kembali.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang akan menjadikan nilai aset semasa di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

#### KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang perkara yang timbul yang boleh menyebabkan kekeliruan atau ketidaksuaihan terhadap pematuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada bagi aset atau liability Kumpulan dan Syarikat.

#### LIABILITI LUAR JANGKA DAN LIABILITI LAIN

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang tindhmilik ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liability pihak lain, atau
- (b) sebarang liability luarjangka Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan. Tiada liability luarjangka atau lain-lain liability Kumpulan dan Syarikat telah berkuatkuasa, atau akan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan dari akhir tahun kewangan ini yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau boleh memberi kesan yang besar terhadap keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk menjalankan kewajipan mereka apabila tiba masanya.

Bagi tujuan perenggan ini, liability luarjangka atau lain-lain liability tidak termasuk liability-liability yang terhasil dari kontrak pengunderaitan insurans di dalam urusan biasa Kumpulan dan Syarikat.

## MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

### LAPORAN PARA PENGARAH

#### PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan, melainkan yang telah diuruskan di dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, yang akan menyebabkan jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.

#### PERKARA YANG BERSIFAT LUAR BIASA

Para Pengarah berpendapat bahawa hasil kendalian Kumpulan dan Syarikat di sepanjang tahun kewangan tidak dipengaruhi dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan atau peristiwa yang bersifat ketara dan luar biasa, selain daripada pelarasan tahun terdahulu yang timbul daripada perubahan di dalam polisi-polisi perakaunan seperti yang dinyatakan di dalam Nota 32 kepada penyata kewangan.

Tidak timbul di dalam tempoh antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini sebarang perkara, urusan atau peristiwa yang bersifat ketara dan luar biasa yang, pada pendapat para Pengarah, yang akan mempengaruhi hasil kendalian Kumpulan dan Syarikat secara keseluruhannya bagi tahun kewangan di mana laporan ini disediakan.

#### MODAL SAHAM

Tiada terbitan saham di sepanjang tahun kewangan ini.

#### URUSTADBIR KORPORAT

Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan pelaksanaan urustadbir korporat pada taraf yang tertinggi. Ini adalah sebahagian asas pelaksanaan tanggungjawab mereka bagi memelihara dan mempertingkatkan nilai pemegang kepentingan dan prestasi kewangan Syarikat.

#### Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Dalam melaksanakan tugas, Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab mematuhi Akta Insurans ("Akta") dan Peraturan, 1996 dan Garispanduan Bank Negara Malaysia ("BNM"), termasuk JPI/GPI 1: Tugas dan Tanggungjawab Para Pengarah dan Ketua Eksekutif Penanggung Insurans dan garis panduan lain. Mereka juga harus mematuhi rukun asas urustadbir korporat dengan mengamalkan praktis terbaik seperti yang telah dinyatakan dalam JPI/GPI 25: Rangka Hemat Urustadbir Korporat bagi Syarikat Insurans. Selain daripada tanggungjawab berkanun, Lembaga Pengarah juga meluluskan keputusan-keputusan utama Syarikat berkaitan dengan pelaburan, pelupusan dan pembiayaan. Mereka memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai bagi mengurus risiko, mengkaji dan meluluskan strategi dan objektif kewangan bagi pelaksanaan pihak pengurusan. Tugas-tugas ini dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah secara langsung dan/atau melalui pelbagai jawatankuasa.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab mewujudkan rangka kerja dan polisi operasi Syarikat dan pihak pengurusan pula bertanggungjawab melaksanakannya. Pengasingan tugas ini memperkukuhkan lagi peranan penyeliaan dan pengawasan yang dipegang oleh Lembaga Pengarah.

Oleh itu, Syarikat mempunyai struktur organisasi yang jelas menunjukkan semua saluran pelaporan di samping dokumentasi huraian bidang kerja bagi semua kakitangan pengurusan dan eksekutif, dan penilaian prestasi yang formal dilaksanakan setiap tahun.

Para pengarah, dengan latarbelakang dan pengalaman yang berbeza-beza, apabila digabungkan membawa kemahiran dan pengetahuan khusus yang meluas, yang diperlukan untuk pengurusan Syarikat..

No. Syarikat

9557	T
------	---

## MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

### LAPORAN PARA PENGARAH

Sepanjang tahun kewangan, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak 15 kali dan kehadiran para pengarah adalah seperti berikut:

	<u>Jumlah mesyuarat</u>	<u>Lembaga Pengarah</u>
		%
Datuk Haji Abdul Rahman bin Mohd Ramli	15/15	100
Kenji Kojima	15/15	100
<u>Para Pengarah dilantik pada 25 Januari 2006:</u>		
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor	2/2	100
Datuk Amirsham A. Aziz	2/2	100
Aminuddin Md Desa	2/2	100
Filip Andre Lodewijck Coremans	2/2	100
Hugo Philip van Vledder	1/2	50
<u>Para Pengarah meletak jawatan pada 25 Januari 2006:</u>		
Dato' Mohamed Ghaus bin Badioze Zaman	13/13	100
Dato' Dr Shamsuddin Kassim	12/13	92.3
Datuk Ramli bin Ibrahim	11/13	84.6
Zainal Abidin bin Jamal	12/13	92.3
Dzulkifli bin Mohd Salleh	13/13	100
Mohd Najib Hj. Abdullah	13/13	100

### Kebertanggungjawaban Pengurusan

Sementara Lembaga Pengarah bertanggungjawab mewujudkan rangka kerja dan polisi operasi Syarikat, pihak pengurusan pula bertanggungjawab dalam pelaksanaan polisi tersebut dan pencapaian objektif korporat Syarikat.

### Kebebasan Korporat

Semua urusan ketara dengan pihak yang berkaitan telah dinyatakan dalam Nota 25 kepada penyata kewangan berkanun.

### Kawalan Dalaman dan Audit

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan ke atas kawalan dalaman Syarikat dan keberkesanannya. Lembaga Pengarah mengenalpasti bahawa risiko tidak boleh disingkirkan sepenuhnya, oleh itu, sistem dan proses tertentu dilaksanakan bertujuan bagi mengurangkan dan mengurus risiko tersebut. Syarikat juga telah melaksanakan kawalan dalaman yang merangkumi semua lapisan kakitangan dan proses perniagaan untuk memastikan operasi Syarikat berjalan dengan berkesan dan cekap dan juga menjaga aset-aset Syarikat dan kepentingan pihak-pihak yang berkepentingan. Penilaian berterusan ke atas keberkesanan dan kecukupan kawalan dalaman, yang merangkumi pemeriksaan bebas ke atas kawalan oleh fungsi audit dalaman, demi memastikan tindakan pembetulan di mana perlu, diambil dengan segera.

Laporan audit dalaman akan dibentangkan di mesyuarat Jawatankuasa Audit ("AC") yang terawal dijadualkan selepas tarikh penerimaan laporan tersebut. Fungsi audit dalaman melapor kepada Lembaga Pengarah menerusi AC, dan keputusan dan syor-syor akan disampaikan ke pihak pengurusan kanan dan kesemua peringkat kakitangan yang berkenaan. AC telah ditubuhkan pada peringkat syarikat induk.

No. Syarikat

9557	T
------	---

## MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

### LAPORAN PARA PENGARAH

Komposisi AC adalah seperti berikut:

Datuk Ramli bin Ibrahim (Pengerusi) (meletak jawatan pada 25 Januari 2006)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Hj Abdul Rahman bin Mohd Ramli  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dzulkifli bin Mohd Salleh (meletak jawatan pada 25 Januari 2006)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

AC di atas telah bermesyuarat sebanyak 5 kali sepanjang tahun kewangan.

Komposisi AC di tahap MFHB adalah seperti berikut:

Raja Tan Sri Muhammad Alias bin Raja Muhd Ali (Pengerusi)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Damis Jacobus Ziengs  
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Sulaiman bin Salleh  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Hj Abdul Rahman bin Mohd Ramli (appointed on 17 May 2006)  
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Dr Syed Othman bin Syed Hussin Alhabshi (appointed on 17 May 2006)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

AC telah telah bermesyuarat sebanyak 5 kali dalam tempoh 1 Julai 2005 hingga 30 Jun 2006.

### Pengurusan Risiko

Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara keseluruhan dalam penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC"). Objektif utama RMC adalah untuk menyelia aktiviti pihak pengurusan kanan dalam mengurus risiko-risiko utama Syarikat dan memastikan proses pengurusan risiko dilaksanakan dan berfungsi secara berkesan.

Syarikat telah menubuhkan RMC pada peringkat syarikat induk. Dalam melaksanakan tugasnya, RMC dibantu oleh Jawatankuasa Pelaburan pihak Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Aset-Liabiliti ("ALCO") pihak pengurusan.

Rangka kerja pengurusan risiko bagi Syarikat terdiri daripada tiga komponen penting, iaitu perangkaan dasar, penyeliaan dan kawalan, serta penerimaan risiko, sementara pendekatan pengurusan risiko adalah berasaskan tiga peringkat pertahanan iaitu unit pengambilan risiko, kawalan dan kordinasi risiko dan audit dalaman. Risiko pula telah diklasifikasikan kepada tiga kategori utama, yang terdiri daripada risiko insurans, risiko kewangan (termasuk risiko pasaran, risiko kredit dan risiko lembaran imbalan) serta risiko operasi. Terdapat proses yang berterusan bagi mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko-risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat. Ia dicapai melalui fungsi-fungsi pengurusan yang telah ditetapkan dan kawalan dalaman, yang merangkumi pengujuduan had-had risiko operasi bagi kesemua aktiviti-aktiviti teras.

No. Syarikat

9557	T
------	---

**MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**LAPORAN PARA PENGARAH**

Komposisi RMC adalah seperti berikut:

Datuk Hj Abdul Rahman bin Mohd Ramli (Pengerusi)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Dr Shamsuddin bin Kassim  
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif (meletak jawatan pada on 25 Januari 2006)

Dzulkifli bin Mohd Salleh  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (meletak jawatan pada on 25 Januari 2006)

RMC telah bermesyuarat sebanyak 5 kali sepanjang tahun kewangan.

Komposisi RMC pada tahap MFHB adalah seperti berikut:

Tan Sri Mohamed Basir bin Ahmad (Pengerusi)  
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Raja Tan Sri Muhammad Alias bin Raja Muhd Ali  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Petrus Bernadus Gerardus van Harten  
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Hj Abdul Rahman bin Mohd Ramli  
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif (dilantik pada 17 Mei 2006)

RMC telah bermesyuarat sebanyak 4 kali dalam tempoh 1 Julai 2005 hingga 30 Jun 2006.

Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran dan Pertubuhan

Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab menubuhkan Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran dan Pertubuhan. Syarikat akan terus menggunakan khidmat Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Ganjaran dan Pertubuhan syarikat induk muktamad, Kumpulan Malayan Banking Berhad ("MBB") sebagai sebahagian daripada struktur urustadbir Syarikat.

Objektif utama Jawatankuasa Pencalonan adalah untuk mewujudkan prosedur yang didokumentasikan, formal dan nyata bagi peralihan para pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menilai keberkesanan para pengarah, Lembaga Pengarah secara keseluruhan dan lain-lain jawatankuasa Lembaga Pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama.

Jawatankuasa Ganjaran dan Pertubuhan pula bertanggungjawab menyediakan prosedur formal yang jelas bagi mengasaskan polisi ganjaran bagi para pengarah, ketua pegawai eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama dan memastikan ganjaran mereka adalah berdaya saing dan selaras dengan budaya, objektif dan strategi Syarikat.

No. Syarikat

9557	T
------	---

**MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**LAPORAN PARA PENGARAH**

Komposisi Jawatankuasa Pencalonan adalah seperti berikut::

Datuk Hj Abdul Rahman bin Mohd Ramli (Pengerusi) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	
Datuk Ramli bin Ibrahim Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	(meletak jawatan pada on 25 Januari 2006)
Dato' Dr. Shamsuddin bin Kassim Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	(meletak jawatan pada on 25 Januari 2006)
Zainal Abidin bin Jamal Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	(meletak jawatan pada on 25 Januari 2006)
Dzulkifli bin Mohd Salleh Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	(meletak jawatan pada on 25 Januari 2006)

Jawatankuasa Pencalonan telah bermesyuarat sebanyak 2 kali sepanjang tahun kewangan.

Komposisi Jawatankuasa Pencalonan pada tahap MBB adalah seperti berikut:

Raja Tan Sri Muhammad Alias bin Raja Muhd Ali (Pengerusi) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	
Mohammad bin Abdullah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	
Haji Mohd Hashir bin Abdullah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	
Datuk Amirsham bin A. Aziz Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	(meletak jawatan pada on 25 Januari 2006)
Datuk Hj Abdul Rahman bin Mohd Ramli Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	

Komposisi Jawatankuasa Pencalonan telah bermesyuarat sebanyak 6 kali dalam tempoh 1 Julai 2005 hingga 30 Jun 2006.

Komposisi Jawatankuasa Ganjaran adalah seperti berikut:

Dzulkifli bin Mohd Salleh (Pengerusi) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	(meletak jawatan pada on 25 Januari 2006)
Datuk Ramli bin Ibrahim Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	(meletak jawatan pada on 25 Januari 2006)
Zainal Abidin bin Jamal Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	(meletak jawatan pada on 25 Januari 2006)

Jawatankuasa Ganjaran telah bermesyuarat sebanyak satu kali dalam tempoh kewangan.

No. Syarikat

9557	T
------	---

**MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**LAPORAN PARA PENGARAH**

Jawatankuasa Ganjaran dan Pertubuhan pada tahap MBB adalah seperti berikut:

Mohammad bin Abdullah (Pengerusi)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Raja Tan Sri Muhammad Alias bin Raja Muhd Ali  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Hj Abdul Rahman bin Mohd Ramli  
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Teh Soon Poh  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Jawatankuasa Ganjaran dan Pertubuhan telah bermesyuarat sebanyak 12 kali dalam tempoh 1 Julai 2005 hingga 30 June 2006.

Kebertanggungjawaban Awam

Sebagai pentadbir dana awam, urusan Syarikat dengan orang awam sentiasa dilaksanakan secara adil, jujur dan profesional.

Laporan Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab membentangkan penilaian yang seimbang dan komprehensif berkaitan dengan operasi dan prospek Syarikat pada setiap kali penyata kewangan tahunan diterbitkan untuk pemegang saham. AC pula membantu meneliti maklumat yang dibentangkan bagi memastikan ketepatan, kesesuaian dan kesempurnaannya.

Para pengarah Syarikat yang berkhidmat sejak tarikh laporan terakhir dan pada tarikh laporan ini ialah:

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor	(dilantik pada 25 Januari 2006)
Datuk Amirsham bin A. Aziz	(dilantik pada 25 Januari 2006)
Aminuddin bin Md Desa	(dilantik pada 25 Januari 2006)
Filip Andre Lodewijck Coremans	(dilantik pada 25 Januari 2006)
Hugo Philip van Vledder	(dilantik pada 25 Januari 2006)
Datuk Hj Abdul Rahman bin Mohd Ramli	
Kenji Kojima	
Dato' Mohamed Ghaus bin Badioze Zaman	(meletak jawatan pada 25 Januari 2006)
Dato' Dr. Shamsuddin bin Kassim	(meletak jawatan pada 25 Januari 2006)
Datuk Ramli bin Ibrahim	(meletak jawatan pada 25 Januari 2006)
Zainal Abidin bin Jamal	(meletak jawatan pada 25 Januari 2006)
Dzulkifli bin Mohd Salleh	(meletak jawatan pada 25 Januari 2006)
Mohd Najib bin Hj Abdullah	(meletak jawatan pada 25 Januari 2006)

No. Syarikat

9557	T
------	---

## MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

### LAPORAN PARA PENGARAH

#### MANFAAT PARA PENGARAH

Pada penghujung tahun kewangan, mahupun sepanjang tahun kewangan, tidak wujud sebarang pengaturan oleh Syarikat yang membolehkan para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat, kecuali opsyen saham yang akan diberikan melalui Skim Opsyen Saham Kakitangan Kumpulan Maybank ("ESOS") syarikat induk muktamad.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada pengarah telah menerima atau berhak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah ganjaran diterima atau boleh terima oleh para pengarah seperti yang dinyatakan di dalam Nota 14 kepada penyata kewangan berkanun) akibat daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat perbadanan berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana ianya adalah ahli, atau dengan syarikat di mana ia mempunyai kepentingan kewangan yang nyata, melainkan yang dinyatakan di dalam Nota 25 kepada penyata kewangan berkanun.

#### KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Berdasarkan daftar pemegangan saham para pengarah, kepentingan para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dalam saham Syarikat; dan saham serta saham dibawah opsyen dalam syarikat induk muktamad, MBB, sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

Syarikat induk muktamad:  
Malayan Banking Berhad

	<u>Bilangan saham biasa RM1 setiap satu</u>			<u>30 Jun 2006</u>
	<u>1 April 2005/ tarikh dilantik</u>	<u>Dilaksanakan</u>	<u>Jualan</u>	
Kepentingan langsung				
Datuk Amirsham A. Aziz	381,000	100,000	-	481,000
Kepentingan tidak langsung				
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor	10,000	-	-	10,000
Datuk Hj Abdul Rahman bin Mohd Ramli	20,000	103,000	(109,800)	13,200

No. Syarikat

9557	T
------	---

**MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**LAPORAN PARA PENGARAH**

**KEPENTINGAN PARA PENGARAH**

	<u>Bilangan opsiyen untuk saham biasa RM1 setiap satu</u>				
	<u>Harga Opsyen</u>	<u>Tarikh</u>	<u>Diberikan</u>	<u>Dilaksanakan</u>	<u>30 Jun</u>
	RM	ESOS			2006
Datuk Hj Abdul Rahman	9.23	01.09.2005	185,000	(103,000)	82,000
bin Mohd Ramli	9.92	01.09.2005	62,500	-	62,500
Datuk Amirsham bin A. Aziz	9.23	01.09.2004	650,000	(220,000)	430,000
	9.87	15.12.2004	120,000	-	120,000
	9.92	14.11.2005	120,000	-	120,000

Selain daripada yang dinyatakan, tiada pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan mempunyai sebarang kepentingan di dalam saham Syarikat atau syarikat-syarikat perbadanan berkaitannya di sepanjang tahun kewangan.

**PERISTIWA PENTING**

Peristiwa penting dinyatakan dalam nota 29 kepada ringkasan penyata kewangan.

**JURUAUDIT**

Juruaudit, Ernst & Young telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima perlantikan semula sebagai juruaudit.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah

Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor

Aminuddin bin Md Desa

Kuala Lumpur  
14 Ogos 2006

**MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PARA PENGARAH**  
**MENURUT PERUNTUKAN SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965**

Kami, Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor dan Aminuddin bin Md Desa, selaku dua daripada para pengarah Malaysia National Insurance Berhad, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 14 hingga 74 telah disediakan menurut Piawaian Perakaunan MASB berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 bagi memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 30 Jun 2006 dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah

Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor

Aminuddin bin Md Desa

Kuala Lumpur, Malaysia  
14 Ogos 2006

**AKUAN BERKANUN**  
**MENURUT PERUNTUKAN SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965**

Saya, Filip Andre Lodewijck Coremans, selaku pengarah yang bertanggungjawab terutamanya ke atas pengurusan kewangan Malaysia National Insurance Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dari mukasurat 13 hingga 73 pada pendapat saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh Filip Andre Lodewijck Coremans yang tersebut di atas di Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan pada 14 Ogos 2006

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI  
MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD  
(No. Syarikat. 9557 T)

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan dari mukasurat 13 hingga 73. Penyata kewangan ini adalah tanggungjawab para pengarah Syarikat.

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat, berdasarkan audit kami, mengenai penyata kewangan ini dan untuk melaporkan kepada anda, sebagai satu badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

Kami telah menjalankan audit kami mengikut Piawaian Pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapatkan kepastian munasabah tentang samada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang matan. Sesuatu audit meliputi pemeriksaan, berdasarkan kepada ujian, bukti yang menyokong jumlah dan pernyataan dalam penyata kewangan berkenaan. Sesuatu audit juga meliputi penaksiran terhadap prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian terhadap pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya. Kami percaya bahawa audit kami telah memberi asas munasabah untuk pendapat kami.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajarnya menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Perakaunan MASB berkenaan yang diluluskan di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai:
  - (i) kedudukan kewangan Syarikat pada 30 Jun 2006 dan keputusan serta aliran tunai Syarikat bagi tempoh kewangan lima belas bulan berakhir pada tarikh tersebut; dan
  - (ii) perkara-perkara yang diperlukan menurut Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 untuk diambilkira dalam penyata kewangan; dan
- (b) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang diperlukan menurut Akta tersebut untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan wajar menurut peruntukan Akta tersebut.

Ernst & Young  
AF: 0039  
Akauntan Berkanun

Gloria Goh Ewe Gim  
No. 1685/04/07(J)  
Rakankongsi

Kuala Lumpur, Malaysia  
14 Ogos 2006

9557	T
------	---

**MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**LEMBARAN IMBANGAN**  
**PADA 30 JUNE 2006**

	<u>Note</u>	<u>30.6.06</u> RM'000	Dinyatakan semula <u>31.3.05</u> RM'000
<b>ASET</b>			
<b>ASET DANA INSURANS AM DAN PEMEGANG SAHAM</b>			
Hartanah, peralatan and kelengkapan	3(a)	37,404	61,896
Aset tak ketara	4	-	-
Pelaburan	5(a)	1,102,296	1,160,864
Penghutang pinjaman/pembiayaan	6(a)	31,308	15,456
Syarikat-syarikat subsidiari	7	171,125	95,125
Terhutang daripada syarikat-syarikat subsidiari	8	378	752
Penghutang dagangan dan penghutang lain	9(a)	231,044	187,905
Aset cukai semasa		116,933	116,933
Aset cukai tertunda	13	15,193	15,534
Wang tunai dan baki di bank	10	61,729	28,224
		<hr/>	<hr/>
<b>ASET DANA INSURANS HAYAT</b>	mukasurat 18	1,767,410 4,066,735	1,682,689 3,841,003
<b>JUMLAH ASET</b>		<hr/> <u>5,834,145</u>	<hr/> <u>5,523,692</u>
<b>LIABILITI</b>			
<b>LIABILITI DANA INSURANS AM DAN PEMEGANG SAHAM</b>			
Pperuntukan untuk tuntutan yang belum dibayar	11(a)	231,166	254,064
Dihutang kepada syarikat-syarikat kumpulan	8	17,098	-
Pemiutang dagangan dan pemiutang lain	12(a)	296,986	221,332
Liabiliti cukai semasa		69,424	134,340
		<hr/>	<hr/>
<b>LIABILITI DANA INSURANS HAYAT</b>	mukasurat 18	614,674 196,038	609,736 207,612
		<hr/>	<hr/>
Rizab risiko belum diperolehi	14	810,712 167,199	817,348 157,114
Dana Pemegang Polisi Insurans Hayat	15	3,868,872	3,631,566
Rizab Penilaian Semula			
Aset Insurans Hayat	16	1,825	1,825
		<hr/>	<hr/>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<u>4,848,608</u>	<u>4,607,853</u>
<b>EKUITI PEMEGANG SAHAM</b>			
Modal Saham	17	152,151	152,151
Rizab		833,386	763,688
		<hr/>	<hr/>
		985,537	915,839
		<hr/>	<hr/>
<b>JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI PEMEGANG SAHAM</b>		<u>5,834,145</u>	<u>5,523,692</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ringkas ini.

No. Syarikat

9557	T
------	---

**MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PENDAPATAN**  
**BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR PADA 30 JUN 2006**

	<u>Nota</u>	1.4.05 hingga <u>30.6.06</u> RM'000	Dinyatakan semula 1.4.04 hingga <u>31.3.05</u> RM'000
Perolehan	18	1,537,137	1,672,998
Dana Pemegang Saham:			
Pendapatan Pelaburan	19(a)	29,263	21,531
Pendapatan/perbelanjaan operasi lain - bersih	20(a)	(878)	5,681
Yuran pengurusan	21(a)	(3,310)	(4,204)
		<u>25,075</u>	<u>23,008</u>
Lebih dipindahkan dari akaun perolehan:			
- Perniagaan insurans am	mukasurat 15 and 16	63,045	33,455
- Perniagaan insurans hayat	mukasurat 18	40,000	30,000
Keuntungan sebelum cukai		<u>128,120</u>	<u>86,463</u>
Cukai	22(a)	(58,422)	(20,460)
Keuntungan selepas cukai		<u>69,698</u>	<u>66,003</u>
Dividen sesaham (sen)	23	<u>-</u>	<u>21.0</u>
Perolehan sesaham (sen)	24	<u>45.8</u>	<u>43.4</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ringkas ini.

No. Syarikat

9557	T
------	---

MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

AKAUN PEROLEHAN INSURANS AM  
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2006

	Nota	<u>Kebakaran</u> RM'000	<u>Motor</u> RM'000	<u>Marin, udara dan transit</u> RM'000	<u>Pelbagai</u> RM'000	<u>Jumlah</u> RM'000
Premium Kasar Insurans semula	18	78,562 (54,980)	158,882 (8,830)	171,669 (152,816)	308,421 (254,528)	717,534 (471,154)
Premium bersih		23,582	150,052	18,853	53,893	246,380
Kurangan/(tambahan) dalam rizab risiko belum diperolehi	14	10,587	(2,188)	(1,497)	(16,987)	(10,085)
Premium diperolehi		34,169	147,864	17,356	36,906	236,295
Tuntutan bersih dikira Komisen bersih	25(a)	(12,504) 3,977	(96,133) (12,780)	(3,037) 287	(33,174) 1,700	(144,848) (6,816)
Lebihan/(defisit) pengunderaitan sebelum perbelanjaan pengurusan		25,642	38,951	14,606	5,432	84,631
Perbelanjaan pengurusan	21(b)					(77,948)
Lebihan pengunderaitan						6,683
Pendapatan pelaburan	19(b)					46,271
Pendapatan operasi lain - bersih	20(b)					10,091
Lebihan dipindahkan ke Penyata Pendapatan						63,045

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ringkas ini.

MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

AKAUN PEROLEHAN INSURANS AM  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 MAC 2005

	Note	Kebakaran RM'000	Motor RM'000	Marin, udara dan transit RM'000	Pelbagai RM'000	Jumlah RM'000
Premium Kasar Insurans semula	18	72,884 (48,771)	113,372 (5,525)	100,434 (85,737)	147,762 (101,687)	434,452 (241,720)
Premium bersih		24,113	107,847	14,697	46,075	192,732
Kurangan/(tambahan) dalam rizab risiko belum diperolehi	14	8,186	(2,320)	707	19,081	25,654
Premium diperolehi		32,299	105,527	15,404	65,156	218,386
Tuntutan bersih dikira Komisen bersih	25(a)	(9,327) 879	(100,113) (9,265)	(7,752) (979)	(27,172) (3,653)	(144,364) (13,018)
Lebihan/(defisit) pengunderaitan sebelum perbelanjaan pengurusan		23,851	(3,851)	6,673	34,331	61,004
Perbelanjaan pengurusan	21(b)					(73,154)
Defisit pengunderaitan						(12,150)
Pendapatan pelaburan	19(b)					32,071
Pendapatan operasi lain - bersih	20(b)					13,534
Lebihan dipindahkan ke Penyata Pendapatan						33,455

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ringkas ini.

No. Syarikat

9557	T
------	---

**MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**LEMBARAN IMBANGAN DANA INSURANS HAYAT  
PADA 30 JUN 2006**

	<u>Nota</u>	<u>30.6.06</u> RM'000	<u>31.3.05</u> RM'000
<b>ASET</b>			
Hartanah, peralatan and kelengkapan	3(b)	6,322	8,523
Pelaburan	5(b)(i)	3,684,127	3,496,944
Penghutang pinjaman/pembiayaan	6(b)	190,217	178,900
Terhutang daripada syarikat-syarikat subsidiari	9(b)	67,116	50,877
Wang tunai dan baki di bank	10	48,018	38,560
Aset cukai semasa		18,290	18,290
Aset cukai tertunda	13	2,987	191
Aset dana pelaburan berkaitan	26	49,658	48,718
<b>ASET DANA INSURANS HAYAT</b>		<u>4,066,735</u>	<u>3,841,003</u>
<b>LIABILITI</b>			
Peruntukan untuk tuntutan yang belum dibayar	11(b)	8,287	8,918
Pemiutang dagangan dan pemiutang lain	12(b)	129,671	149,658
Liabiliti cukai semasa		56,683	47,496
Liabiliti dana pelaburan berkaitan	26	1,397	1,540
<b>LIABILITI DANA INSURANS HAYAT</b>		<u>196,038</u>	<u>207,612</u>
<b>DANA PEMEGANG POLISI INSURANS HAYAT</b>	15	3,868,872	3,631,566
<b>RIZAB PENILAIAN SEMULA ASET INSURANS HAYAT</b>	16	1,825	1,825
		<u>3,870,697</u>	<u>3,633,391</u>
<b>JUMLAH LIABILITI DANA INSURANS HAYAT DAN PEMEGANG SAHAM</b>		<u>4,066,735</u>	<u>3,841,003</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ringkas ini.

9557	T
------	---

**MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**AKAUN PEROLEHAN DANA INSURANS HAYAT  
BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2006**

	<u>Nota</u>	1.4.05 hinggao <u>30.6.06</u> RM'000	1.4.04 hingga <u>31.3.05</u> RM'000
Premium Kasar	18	498,017	1,026,204
Insurans semula		(8,518)	(4,517)
		<hr/>	<hr/>
Premium bersih		489,499	1,021,687
		<hr/>	<hr/>
Faedah dibayar and belum dibayar:			
Kematian		(100,167)	(82,758)
Kematangan		(67,526)	(57,158)
Serahan		(131,867)	(73,383)
Bonus tunai		(37,377)	(25,951)
Annuiti		(771)	(552)
Lain-lain		(4,305)	(2,427)
Perolehan dari insurans semula		9,859	11,194
		<hr/>	<hr/>
		(332,154)	(231,035)
		<hr/>	<hr/>
		157,345	790,652
Perbelanjaan agensi dan komisen		(57,240)	(61,200)
Perbelanjaan pengurusan	21(c)	(46,984)	(34,295)
		<hr/>	<hr/>
		53,121	695,157
Pendapaan pelaburan	19(c)	243,897	157,171
Pendapatan operasi lain - bersih	20(c)	(2,298)	26,764
		<hr/>	<hr/>
Lebihan sebelum cukai		294,720	879,092
Cukai	22(b)(i)	(18,600)	(15,597)
		<hr/>	<hr/>
Lebihan selepas cukai		276,120	863,495
Lebihan/(defisit) selepas cukai dari Dana pelaburan berkaitan	26	1,186	(2,370)
		<hr/>	<hr/>
		277,306	861,125
Dana pemegang polisi insurans hayat pada awal tahun kewangan	15	3,631,566	2,800,441
Pindah ke Penyata Kewangan	15	(40,000)	(30,000)
		<hr/>	<hr/>
Dana pemegang polisi insurans hayat pada akhir tahun kewangan	15	<u>3,868,872</u>	<u>3,631,566</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ringkas ini.

No. Syarikat

9557	T
------	---

MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD  
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2006

	<u>Nota</u>	<u>Modal Saham</u> RM'000	<u>Premium Saham</u> RM'000	<u>Perolehan terkumpul</u> RM'000	<u>Jumlah</u> RM'000
Pada 1 April 2005					
seperti dilaporkan dahulu		152,151	17,728	768,072	937,951
perubahan polisi perakaunan	28	-	-	(22,112)	(22,112)
		<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Seperti yang dinyatakan semula		152,151	17,728	745,960	915,839
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		-	-	69,698	69,698
		<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Pada 30 Jun 2006		<u>152,151</u>	<u>17,728</u>	<u>815,658</u>	<u>985,537</u>
Pada 1 April 2004					
seperti dilaporkan dahulu		152,151	17,728	735,279	905,158
perubahan polisi perakaunan	28	-	-	(32,317)	(32,317)
		<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Seperti yang dinyatakan semula		152,151	17,728	702,962	872,841
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	28	-	-	66,003	66,003
Dividen	23	-	-	(23,005)	(23,005)
		<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Pada 31 Mac 2005		<u>152,151</u>	<u>17,728</u>	<u>745,960</u>	<u>915,839</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ringkas ini.

**MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2006**

	<u>Nota</u>	1.4.05 hingga <u>30.6.06</u> RM'000	1.4.04 hingga <u>31.3.05</u> RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA</b>			
<b>AKTIVITI KENDALIAN</b>			
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan		128,120	86,463
Pelarasan bagi butiran bukan tunai	30	(84,608)	561,958
		<hr/>	<hr/>
Keuntungan dari aktiviti kendalian			
Sebelum perubahan dalam modal kerja		43,512	648,421
Perubahan dalam modal kerja	31	79,669	(591,863)
Perolehan dari penjualan pelaburan		507,812	754,892
Pembelian pelaburan		(712,441)	(990,451)
Pendapatan pelaburan diterima		316,846	201,870
		<hr/>	<hr/>
Tunai terhasil dari aktiviti kendalian		235,398	22,869
Cukai dibayar		(123,012)	15,075
		<hr/>	<hr/>
Tunai bersih terhasil dari			
aktiviti kendalian		112,386	37,944
		<hr/>	<hr/>
<b>AKTIVITI TUNAI DARIPADA</b>			
<b>AKTIVITI PELABURAN</b>			
Pembelian saham subsidiari		(76,000)	-
Perolehan dari penjualan hartanah, peralatan dan kelengkapan		37,616	273
Pembelian hartanah, peralatan dan kelengkapan		(7,675)	(6,946)
		<hr/>	<hr/>
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(46,059)	(6,673)
		<hr/>	<hr/>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA</b>			
<b>AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>			
Dividen dibayar		(23,005)	(62,443)
		<hr/>	<hr/>
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan		(23,005)	(62,443)
		<hr/>	<hr/>
<b>TAMBAHAN/(KURANGAN) BERSIH DALAM</b>			
<b>TUNAI DAN TUNAI SETARA</b>		43,322	(31,172)
<b>TUNAI DAN TUNAI SETARA PADA</b>			
<b>AWAL TAHUN KEWAGAN</b>		66,857	98,029
		<hr/>	<hr/>
<b>TUNAI DAN TUNAI SETARA PADA</b>			
<b>AKHIR TAHUN KEWAGAN</b>	10	110,179	66,857
		<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ringkas ini.

## MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

### NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN

#### 1 KEGIATAN UTAMA DAN MAKLUMAT AM

Kegiatan utama Syarikat adalah pengunderaitan insurans hayat and kesemua kelas insurans am. Sepanjang tahun kewangan tiada sebarang perubahan ketara di dalam kegiatan Syarikat.

Syarikat ini adalah syarikat awam liabiliti terhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar dan tempat perniagaan utama Syarikat terletak di Paras 26, Tower 1, MNI Twins, 11, Jalan Pinang, 50450 Kuala Lumpur.

Semasa tahun kewangan, Mayban Fortis Holdings Berhad ("MFHB") telah menyempurnakan pembelian keseluruhan ekuiti MNI Holdings Berhad yang merupakan syarikat induk kepada Syarikat. MFHB adalah subsidiari kepada Malayan Banking Berhad ("MBB"), sebuah bank berlesen yang disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad. MFHB dan MBB adalah syarikat-syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Para Pengarah Syarikat kini menganggap MBB sebagai syarikat induk.

MNI Holdings Berhad tidak lagi disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad pada 23 Mac 2006.

Semasa tahun kewangan, Syarikat telah mengubah akhir tahun kewangan dari 31 Mac ke 30 Jun supaya selaras dengan akhir tahun kewangan syarikat pemegang saham utama, Malayan Banking Berhad. Sejurus itu, angka-angka perbandingan (tahun kewangan lepas) untuk penyata pendapatan, penyata perubahan dalam ekuiti, akaun perolehan insurans am, akaun perolehan insurans hayat, penyata aliran tunai dan nota-nota berkenaan tidak boleh dibandingkan dengan tahun kewangan ini.

Bilangan kakitangan Syarikat pada akhir tahun kewangan masing-masing adalah 744 (2005: 771).

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 14 Ogos 2006.

#### 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

##### (a) Asas penyediaan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah dan mematuhi Piawaian Perakaunan MASB berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Insurans, 1996 dan Garis Panduan/Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

Semasa tahun kewangan, Syarikat telah mengubah polisi ke atas amalan ihsan. Sebelum ini, ihsan yang berbangkit daripada pengambilalihan dinyatakan dalam lembaran imbalan dan dilunaskan selama 7 tahun menurut kaedah garis lurus. Sekarang, ihsan dihapuskan dengan serta-merta ke keuntungan terkumpul sejajar dengan polisi kewangan Kumpulan MBB.

Perubahan dalam polisi perakaunan memberi kesan pertambahan kepada keuntungan bersih Syarikat bagi tahun kewangan sebanyak RM10,205,000.

## MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

## NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

## 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

## (a) Asas penyediaan (sambungan)

Syarikat tidak menyediakan penyata kewangan penyatuan mengikut pengecualilan di bawah "Financial Reporting Standard 127 – Consolidated and Separate Financial Statements" dan seperti yang dibenarkan oleh para 5(4)(a) dibawah "Ninth Schedule of the Companies Act, 1965", di mana saham Syarikat adalah 100% dipegang oleh MNI Holdings Berhad. Penyata kewangan Syarikat adalah disatukan di dalam penyata kewangan syarikat pemegang saham perantaranya, Mayban Fortis Holdings Berhad, yang juga diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Pejabat berdaftar dan tempat perniagaan utama Mayban Fortis Holdings Berhad adalah di Paras 15, Mayban Life Tower, Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur.

## (b) Hartanah, peralatan dan kelengkapan

Hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai.

Tanah milikbebas dan pengubahsuaian dan bangunan dalam pembinaan tidak disusut nilai. Tanah pegangan pajak dilunaskan berdasarkan tempoh pajakan masing-masing. Bangunan disusut nilai berdasarkan tempoh 50 tahun atau tempoh pajakan masing-masing, yang mana lebih pendek.

Susut nilai bagi hartanah dan peralatan yang lain diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus yang dikira untuk melupuskan kos setiap aset di sepanjang anggaran hayat penggunaannya pada kadar susut nilai tahunan berikut:

Bangunan	2%
Komputer dan peralatan sampingan	25%
Kenderaan bermotor	20%
Perabot, kelengkapan, peralatan dan pengubahsuaian	15% - 20%

Semasa penjualan sesuatu hartanah dan peralatan, perbezaan di antara nilai bersih perolehan dan nilai bawaannya diambilkira dalam penyata pendapatan/akaun hasil.

**MALAYSIA NATIONAL INSURANCE BERHAD**

(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

